

TABURAN IKAN DI SUNGAI PETANG, TASIK KENYIR,  
TERENGGANU

RUZAIDI BIN MAMAT

FAKULTI PERIKANAN DAN SAINS SAMUDERA  
UNIVERSITI PERTANIAN MALAYSIA  
SERDANG, SELANGOR  
1996

LP  
21  
FPSS  
1  
1996



**TABURAN IKAN DI SUNGAI PETANG, TASIK KENYIR,  
TERENGGANU**

**OLEH**

**RUZAIDI BIN MAMAT**

**Laporan projek ini merupakan sebahagian daripada keperluan  
untuk mendapatkan Ijazah Bacelor Sains Perikanan**

**FAKULTI PERIKANAN DAN SAINS SAMUDERA  
UNIVERSITI PERTANIAN MALAYSIA  
SERDANG, SELANGOR  
1996**

**1100023940**

## PENGHARGAAN

Bersyukur ke hadrat Allah S.W.T. kerana dengan limpah dan izinnya akhirnya dapattlah disiapkan laporan projek tahun akhir ini yang merupakan kursus wajib sebagai syarat untuk bergraduati bagi pelajar-pelajar tahun akhir. Ribuan penghargaan kepada ayahanda dan bonda yang memberikan semangat dan pengorbanan yang begitu tinggi sepanjang pengajian sejak dari kecil lagi. Jutaan terima kasih diucapkan kepada penyelia utama projek, Prof. Madya Dr. Haji Mohd Azmi bin Ambak kerana tanpa panduan dan kos penyelenggaraan yang telah disumbangkan, tidak mungkin projek ini dapat disiapkan.

Jutaan terima kasih untuk staf-staf bengkel pukati; En. Akedah, En. Manaf, En. Rashid dan En. Mat Nong. Tidak dilupakan juga kakitangan di pejabat ladang; En. Zulkifli, En. Mohd Ali, En. Hamzah dan En. Wan Nawang yang bersusah payah menyediakan kenderaan sepanjang tempoh persampelan.

Tidak dilupakan juga buat rakan-rakan yang telah memberikan sedikit sebanyak sumbangan dalam menjayakan projek ini. Syabas diucapkan untuk rakan-rakan serumah.

Terima kasih.

## ABSTRAK

Satu kajian berkenaan dengan taburan ikan di Sungai Petang, Tasik Kenyir telah dijalankan dari bulan September hingga Disember, 1995. Sebanyak 19 spesies telah dikenalpasti merangkumi 8 famili dari 5 order dan keseluruhan tangkapan didominasi oleh spesies dari famili Cyprinidae. Daripada 3 stesen yang telah dipilih iaitu di mulut sungai iaitu tempat pertemuan di antara tasik dan sungai (Stesen 1), tengah (Stesen 2) dan berhampiran hulu (Stesen 3) Sungai Petang didapati bahawa nilai indeks kekayaan spesies semakin tinggi dari Stesen 1 hingga ke Stesen 3 di mana di kawasan berhampiran hulu sungai menunjukkan kehadiran semua spesies. Sepanjang persampelan didapati spesies *Cyclocheilichthys apogon* menunjukkan tangkapan tertinggi diikuti oleh *Hampala macrolepidota*, *Mystus nemurus* dan *Puntius schwanefeldii*.

Analisis statistik ANOVA menunjukkan terdapat perbezaan dari segi jumlah komposisi tangkapan pada setiap stesen ( $p \ll 0.05$ ) di mana min jumlah tangkapan semakin bertambah dari Stesen 1 ke Stesen 3 menunjukkan bahawa spesies-spesies ikan banyak bertumpu di kawasan berhampiran hulu sungai. Analisis statistik ANOVA ke atas jumlah bilangan tangkapan pada setiap bulan menunjukkan terdapat perbezaan ( $P \ll 0.05$ ) di mana didapati min bilangan tangkapan tertinggi ialah pada bulan Disember dan nilai ini didapati berbeza-beza pada setiap bulan mengikut kedalaman air. Didapati bahawa bilangan tangkapan semakin bertambah dengan meningkatnya kedalaman air.

Pemerhatian ke atas taburan mengikut masa tangkapan, taburan mendatar dan menegak terhadap 4 spesies dominan mendapati terdapat variasi taburan di antara spesies-spesies tersebut menunjukkan wujudnya niche yang berbeza-beza di antara spesies-spesies tersebut.

## ABSTRACT

A study of distribution of fish in Sungai Petang, Tasik Kenyir, was carried out from September to December, 1995. Nineteen species were identified comprising of 8 families from 5 orders and the overall catch was dominated by Cyprinidae. Three stations had been chosen i.e. downstream (Station 1), middle (Station 2) and near the upstream (Station 3). It was observed that species richness index value increases from stations 1 to 3 with Station 3 showing the occurrence of all species. Observation on the abundance (based on overall total catch) showed that *Cyclocheilichthys apogon* was the most abundant followed by *Hampala macrolepidota*, *Mystus nemurus* and *Puntius schwanefeldii*.

Analysis of Variance showed the significant difference of total catch composition in all stations ( $p < 0.05$ ) with the mean of total catch increasing from stations 1 to 3. This means that most of fish species prefer to remain in areas near the upstream. Analysis of Variance on total catch according to month showed significant difference ( $p < 0.05$ ) where the highest mean catch was in December. This value differed in every month based on water depth. It is also observed that total catch increase proportionally to the increase of water depth.

Observation on temporal, vertical and horizontal distribution based on 4 dominant species showed the variation of distribution of those species which is due to the difference of niche among those species.